



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

20 Syawal 1441 / 12 Jun 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Jumaat, 20 Syawal 1441H bersamaan 12 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang** manakala **jumlah kes yang telah sembuh ialah seramai 138 orang.**
2. Pada masa ini, hanya seorang pesakit masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Beliau masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan. Marilah kita sama-sama mendoakan semoga Allah Subhanahu Wa Ta' Ala memberikan kesihatan yang sepenuhnya kepada beliau. Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamin.
3. Sementara itu, pada masa ini, seramai 88 orang sedang menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Manakala

seramai 2,735 orang telah menamatkan tempoh kurantin dan dalam keadaan yang baik.

4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 423 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 24,131 ujian.
5. Berikutan makluman mengenai **BruHealth App**, Alhamdulillah setakat ini seramai 371,347 ahli telah mendaftar ke dalam aplikasi tersebut. Bagi syarikat dan premis pula sejumlah 7,257 telah mendaftar kepada aplikasi BruHealth. Manakala, sebanyak 2,145 premis perniagaan telah memuat turun aplikasi PremiseScan. Sehubungan dengan aplikasi PremiseScan ini, semua premis-premis adalah dinasihatkan untuk memuat turun aplikasi tersebut bagi memudahkan pengimbasan kod QR terutama sekali kepada orang ramai yang tidak mempunyai telefon bimbit untuk masuk ke premis berkenaan.
6. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **BruHealth** atau **healthinfo.gov.bn**.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 20 Syawal 1441H / 12 Jun 2020